

# UMS-KAL terima 631 pelajar baru sesi 2011/2012

NST 13/09/2011 4

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menerima kemasukan seramai 631 pelajar baru sesi 2011/2012 memulakan pengajiannya kelmarin.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madhya, Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj berkata, daripada jumlah itu seramai 77 pelajar adalah merupakan pelajar antarabangsa dari negara China yang akan mengikuti pengajian di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa (SP-KAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL).

Secara keseluruhannya Dr. Shariff berkata, seramai 520 pelajar akan mengikuti pengajian SPKL dan 111 lagi mengikuti pengajian di SSIL.

Dalam pada itu, pelajar perempuan masih lagi mendominasi jumlah keseluruhan baru dengan menyaksikan seramai 366 pelajar perempuan berbanding 192 pelajar lelaki.

“Kesemua pelajar baru ini akan ditempatkan dalam asrama yang terdapat di dalam kampus masing-masing di Beta untuk pelajar perempuan dan Alfa untuk pelajar lelaki” katanya ketika ditemui di Terminal Feri Penumpang Antarabangsa Labuan sempena menyambut ketibaan pelajar baru 2011/2012 dari Kota Kinabalu, pada Sabtu.

Katanya, ketika ini UMSKAL mempunyai kira-kira 2,000 pelajar termasuk 631 pelajar baru mendaftar bagi sesi 2011/2012 -OLEH JAINUDIN DJIMIN -jainudin@newsabah-times.com.my